

PANDANGAN MUFTI YANG DISANGGAHI

Rata-rata warganet dan sebahagian masyarakat sehingga kini masih memperkatakan isu “fatwa” S.S. Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr. Luqman bin Abdullah tentang haram hukumnya melanggar larangan merentas negeri yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan untuk pulang ke kampung menyambut Aidilfitri. Kenyataan ini difahamkan telah dinyatakan pada Seminar Cabaran COVID-19 Menurut Perspektif Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia baru-baru ini. Beliau secara jelas menyebut bahawa :

“andai tidak taat kepada ulul amri (pemerintah) maka hukumnya haram”.

Kenyataan beliau berasaskan rujukan terhadap hadis Nabi Muhammad SAW berkenaan penularan wabak taun yang secara nyata terdapat larangan keluar masuk ke tempat berlakunya wabak tersebut. Jika ditinjau kepada sabdaan Nabi Muhammad SAW berdasarkan riwayat al-Bukhari maka tercatat seperti berikut :

إِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

“Apabila berlakunya ia (taun) di sesuatu kawasan dan kamu berada di tempat tersebut maka janganlah kamu keluar melarikan diri darinya”.

Pada hemat Jabatan Mufti Negeri Perak, jawapan terhadap persoalan yang dikemukakan adalah pernyataan “biasa” yang jika ditilik menurut kefahaman semua peringkat masyarakat adalah jawapan asas bagi seorang muslim yang baik iaitu taat kepada ulil amri terhadap sesuatu perintah untuk kemaslahatan semua pihak. Ketaatan yang berasaskan kepada perkara yang tidak menyanggahi Syarak selagi mana kesan daripada ketaatan itu akan membawa impak yang baik kepada masyarakat keseluruhannya. Hal ini jelas berdasarkan kaedah fiqh :

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

“Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada masalah terhadap rakyat”

Namun, barangkali kenyataan ini diteliti bersama emosi dan sentimen semasa beserta olahan berita yang tidak membantu memahami konteks sebenar ulasan beliau maka, kesan segera daripada kenyataan ini adalah cemuhan, sindiran dan jenaka warganet dan sebahagian masyarakat amnya terhadap beliau. Kegopohan berinteraksi dengan kenyataan yang didengar dan dibaca tanpa meneliti secara saksama pastinya akan menghadirkan kefahaman yang tersasar dan ulasan yang negatif.

Haram Merentas Negeri

Haram bersebab ini bukanlah hukum popular pada ketika ini, namun diucapkan oleh S.S Datuk Mufti Wilayah Persekutuan biarpun bukan bersifat fatwa sudah memada sebagai panduan umum kepada masyarakat terhadap permasalahan semasa.

Kenyataan bersifat irsyad hukum ini sewajarnya membantu mententeramkan jiwa-jiwa yang bersedih dan berduka kerana tidak dapat beraya di kampung bertemu dengan orang yang tersayang. Sifat mukmin yang baik akan tunduk bila berhadapan dengan hukum malah, jauh sekali untuk menyanggah hukum. Dari sudut yang lain, kita yakini bahawa pandangan tersebut adalah lontaran ilmu daripada seorang yang diakui berkelayakan untuk mengeluarkan hukum biarpun beliau berhadapan dengan risiko cemuhan dan sindiran masyarakat.

Jabatan Mufti Negeri Perak senada dengan beliau dalam hal ini kerana pertimbangan terhadap masalah yang lebih umum perlu didahulukan berbanding masalah yang khusus (individu). Data yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berkenaan peningkatan kes baharu dan kematian yang mendadak pesakit COVID-19 amat membimbangkan.

Justeru, adalah wajar tidak dibenarkan pihak-pihak yang tidak mempunyai alasan Syar'ie untuk melanggar undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Ulil Amri. Di dapati warganet dan sebahagian masyarakat membuat perbandingan perbezaan layanan antara masyarakat biasa dan “kayangan”. Perlu diingat bahawa perbandingan yang dibuat sama sekali tidak menjejaskan keabsahan hukum asal iaitu haram merentas tanpa kebenaran menurut undang-undang dan Syarak. Setiap orang yang berstatus “hamba Allah SWT” walau apa pun kedudukannya bertanggungjawab atas keamanahannya tanpa prejudis di hadapan Allah kelak.

Tegur Dengan Hikmah

Oleh kerana agama itu adalah nasihat menasihati sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW :

عَنْ أَبِي رُقَيْةَ تَمِيمِ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الدِّينُ
النَّصِيحَةُ . قُلْنَا لِمَنْ قَالَ : لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Daripada Abu Ruqayyah Tamim al-Dary r.a bahawasanya Nabi SAW bersabda : “Agama itu nasihat. Kami pun bertanya: Untuk siapa (nasihat itu)? Baginda SAW menjawab: Nasihat itu adalah untuk Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya, Imam-imam kaum muslimin dan seluruh muslimin (rakyatnya)”.

Riwayat Imam Muslim (55)

Maka, pihak *Ulil Amri* memerlukan nasihat yang baik dan berhikmah daripada rakyat yang baik dan berhemah bukannya cemuhan dan makian yang dipapar secara

umum di media sosial. Penzahiran terhadap ketidakpuasan hati boleh disalurkan menurut mekanisme dan perantara yang pelbagai.

Umat Islam Memiliki Ketinggian Adab Mulia

Sebagai umat Islam yang memiliki ketinggian adab yang mulia, sewajarnya menghormati pandangan daripada para *Ashab al-Samahah* yang biarpun berbeza dengan selera kita, namun kita berkeyakinan terhadap ketelitian mereka dalam mengutarakan sesuatu hukum. Penghormatan kepada mufti dan Institusi mufti dan fatwa adalah terjemahan terhadap penghormatan kepada Islam itu sendiri. Untuk meredakan ketegangan marilah sama-sama kita menikmati sabda baginda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Suhaib r.a :

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ ؛ إِنَّ أَصَابَتَهُ سَرَاءٌ
شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

“Sungguh unik urusan orang mukmin itu! Semua urusan baginya adalah baik. Jika mendapat kebaikan ia bersyukur, maka itu merupakan kebaikan baginya. dan jika ditimpa musibah ia bersabar, maka itu juga merupakan kebaikan baginya”

Riwayat Imam Muslim (2999)

Disediakan oleh,

Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perak

23 Ramadhan 1442H / 5 Mei 2021